

Beberapa sekatan mungkin dibatal

19 OCT 1991

HARARE, Jumaat — Ketua-ketua kerajaan Komanwel hari ini mengambil keputusan untuk mencadangkan sekatan rakyat dengan rakyat di antara Komanwel dan Afrika Selatan ditarik balik.

Ini meliputi sekatan konsular dan visa, pemuluan kebudayaan dan saintifik, sekatan galakan pelancongan dan sekatan hubungan udara secara terus.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Kamil Jaafar, memberitahu wartawan Malaysia lewat petang ini penarikan sekatan itu mungkin dibuat di akhir mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Jawatankuasa Komanwel Menteri-Menteri Luar Mengena Afrika Selatan (CCSMSA) membuat cadangan itu kepada

da CHOGM di mesyuarat di New Delhi, bulan lalu.

Datuk Ahmad Kamil berkata, ketua-ketua kerajaan mengambil keputusan itu dalam sesi eksekutif pagi ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pengerusi kumpulan penilaian peringkat tinggi mengemukakan laporan ALAG kepada CHOGM.

Bagaimanapun difahamkan Pedana Menteri Britain, John Major, satu-satunya pemimpin yang mengambil pemahaman yang berbeza mengenai hubungan rakyat dengan rakyat dengan menyertakan juga sekatan kewangan.

Bagaimanapun, cadangan sekatan kewangan perlu dikeskalkan dan sekatan ekonomi lain, termasuk perdagangan

dan pelaburan dikekalkan sehingga berakhirnya apartheid di Afrika Selatan.

Datuk Ahmad Kamil berkata Datuk Seri Dr Mahathir dalam laporan pembukaannya menyatakan HLAG mengenal pasti bidang kerjasama bagi Komanwel pada 1990-an dan seterusnya.

Menurutnya, bidang itu mengambil kira perubahan politik dan ekonomi di seluruh dunia serta membentuk prinsip asas yang dinyatakan dalam Deklarasi Singapura 1971.

Bidang baru yang dtkenal pasti oleh HLAG itu membatinkan perlindungan dan galakan nilai-nilai politik asas Komanwel.

Bidang keutamaan Komanwel akan dimasukkan dalam draf perisytiharan Komanwel Harare.